

Gani Patail tidak nafi kenyataan Muhyiddin bukti dakwaan benar, kata Mahfuz
Malaysian Insider
Feb 29, 2016

Sikap berdiam diri bekas peguam negara Tan Sri Abdul Gani Patail mengenai perkara yang dibangkitkan Tan Sri Muhyiddin Yassin berhubung skandal syarikat sarat hutang 1Malaysia Development Berhad (1MDB) membuktikan kenyataan itu benar, dakwa ahli Parlimen PAS Datuk Mahfuz Omar.

Katanya, jika kenyataan Muhyiddin itu fitnah, Gani pasti akan menafikannya.

"Jika pendedahan Muhyidin itu adalah fitnah terhadap Gani sudah tentu beliau boleh menafikan kenyataan Muhyidin dan mengambil tindakan saman fitnah terhadap Muhyidin.

"Pendirian bekas peguam negara itu mendiamkan diri tidak mahu mengulas kenyataan Muhyidin menimbulkan tanda tanya di kalangan rakyat Malaysia," kata Mahfuz dalam satu kenyataan.

Malah kata Mahfuz, pengakuan Gani membuktikan penyingkiran Muhyidin dan Gani adalah langkah pintas dan pantas Najib menghalang pendakwaan terhadapnya.

"Pendedahan Muhyidin akan pengakuan Gani juga bertepatan saranan Panel Penilaian Operasi (PPO) SPRM mengarahkan SPRM mengemukakan semula kertas siasatan kes SRC International RM42 juta kepada peguam negara.

"Ini membuktikan PPO mendapati terdapat bukti kes untuk pendakwaan terhadap Najib.

"Pendedahan Muhyidin juga suatu bukti menunjukkan peguam negara sekarang mencalar nama baik institusi Yang di-Pertuan Agong dan Majlis Raja-raja yang melantik beliau," kata Mahfuz yang turut mempersoalkan adakah pendedahan berkenaan menyebabkan persepsi umum peguam negara melindungi penjenayah.

Sehubungan itu, Mahfuz mengulangi cabaran beliau terhadap Najib dan peguam negara membentangi kertas siasatan SPRM berhubung skandal SRC di Parlimen.

"Saya ulangi cabaran saya, iaitu perdana menteri dan peguam negara membentangi pada Parlimen 7 Mac ini mengenai kertas siasatan SPRM atas skandal SRC RM42 juta ke dalam akaun Najib jika benar dakwaan peguam negara tiada kes untuk mendakwa Najib.

"Kedua, jika Peguam Negara Tan Sri Mohamed Apani Ali mendapati dakwaan Gani itu satu fitnah, maka peguam negara perlu mengambil tindakan undang-undang kepada Gani yang membohongi Muhyidin sebagai timbalan perdana menteri pada waktu itu.

"Ketiga, segera mendakwa Najib dan biar mahkamah yang menentukan sama ada Najib sedar atau tidak wang RM42 juta daripada SRC masuk ke dalam akaun peribadi beliau," katanya lagi dalam kenyataan tersebut. – 29 Februari, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianoutsider.com/bahasa/article/gani-patail-tidak-nafi-kenyataan-muhyiddin-bukti-dakwa-benar-kata-mahfuz>